

MODUL HANDS-ON PESERTA

AI dalam Pendidikan

Gemini Notebook • Canva AI for Education

Bengkel Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam Pendidikan • SK Dato' Syed Zain Alshahab, Kluang.

9 September 2026 (Rabu) • 2.00 hingga 4.00 petang • Bilik Mesyuarat Darul Hikmah, SKDSZA.

Penceramah: Ts. Ashraf bin Naim • Penolong Pegawai Pendidikan Daerah (Menengah & Tingkatan 6) • PPD Kluang.

Versi digital, prompt sedia salin dan bahan contoh: skdsza.tsapps.my

Tema: Beri AI sasaran murid, bukan sekadar satu arahan.

Cara Menggunakan Modul Ini

Modul ini ialah panduan hands-on yang selari sepenuhnya dengan LMS skdsza.tsapps.my: Bahagian A ialah empat aktiviti bengkel, Bahagian B ialah halaman Pelan Kelas Saya (tiga soalan dan ayat sasaran, pilih satu idea, cabaran). Setiap aktiviti mempunyai langkah bernombor; ikut satu demi satu di komputer atau telefon anda. Semua langkah disemak pada paparan sebenar akaun DELIMa pada 8 September 2026.

- Perkataan tebal seperti **Add sources**, **Generate** atau **Share** merujuk butang atau menu sebenar dalam aplikasi.
- Kotak 'Prompt untuk disalin' mengandungi prompt sebenar. Salin keseluruhannya (paling mudah dari LMS), kemudian ubah bahagian [KURUNGAN] mengikut kelas anda.
- Kotak kuning 'Hasil dijangka' menyatakan apa yang perlu ada sebelum beralih ke aktiviti seterusnya.

Akaun dan log masuk

- **Gemini Notebook:** Log masuk notebook.google.com dengan akaun moe-dl.edu.my. Lencana 'PLUS' menunjukkan pelan sekolah aktif; had harian mengikut pelan itu.
- **Canva for Education:** Akaun MOE membuka semua ciri premium Canva secara percuma, termasuk 'Create student activities', Magic tools dan Canva Code.
- **Belum aktif?:** Log masuk DELIMa 3.0 di d3.delima.edu.my dahulu, kemudian buka Notebook atau Canva dalam pelayar yang sama.

Tiga Soalan Sebelum Taip

Kita guna alat AI yang baharu dengan cara yang lama: satu arahan, satu jawapan, kemudian kita sunting sendiri. Hari ini kita cuba cara yang lebih senang. Beritahu AI siapa murid kita dan apa sasarannya, biar AI yang susun langkahnya.

Cara lama lawan cara baharu

Cara lama: minta satu output	Cara baharu: beri sasaran murid
Satu arahan, satu jawapan, guru sunting sendiri.	Guru beritahu siapa murid dan apa bukti mereka faham.
AI tidak kenal murid anda; ia hanya tahu ayat arahan itu.	AI membaca bahan anda (buku teks, DSKP) dahulu.
Hasil umum, kerap kena tulis semula.	AI susun langkah, bina bahan dan sediakan kuiz untuk cuba.
Guru sibuk menaip, AI sekadar menjawab.	Guru semak, baiki dan putuskan. Guru kekal nakhoda.

Tiga soalan sebelum taip prompt

1. **Siapa murid saya?** Tahun berapa, aras mana, apa yang mereka sudah tahu.
2. **Apa bukti mereka faham?** Kuiz 5 soalan? Hasil kerja? Boleh terangkan kepada rakan?
3. **Bahan apa AI perlu baca?** Buku teks, DSKP atau nota anda. Muat naik dahulu, baru tanya.

Buat, Cuba, Baiki

1. **Buat.** Minta AI hasilkan bahan daripada bahan yang anda muat naik.
2. **Cuba.** Cuba sendiri dahulu: jawab kuiz, tonton video, baca nota. Cari yang tak kena.
3. **Baiki.** Beritahu AI apa yang lemah, jana semula, kemudian guna dalam kelas.

Siapa pegang apa: Gemini Notebook membuat bahan dan menyediakan kuiz untuk cuba. Canva membuat versi cantik dan aktiviti murid. Guru memutuskan pada setiap pusingan.

Ayat Sasaran (dua tempat kosong)

PROMPT UNTUK DISALIN • TEMPLAT AYAT SASARAN

Murid [tahun] dapat [buat apa], dan saya tahu melalui [bukti].

Contoh siap isi (Sains Tahun 4): Murid Tahun 4 dapat menyusun laluan udara dari hidung ke peparu, dan saya tahu melalui kuiz 5 soalan.

Formula prompt CTFC

Bahagian	Maksud	Contoh
C • Context	Siapa anda dan murid anda	Saya guru Sains Tahun 4. Murid saya ramai yang sederhana.
T • Task	Apa yang anda mahu (+ bahan)	Berdasarkan buku teks yang dimuat naik, buat 5 soalan kuiz topik pernafasan.
F • Format	Bentuk jawapan	Jadual: soalan, pilihan A hingga D, jawapan.
C • Constraints	Syarat	Bahasa Melayu mudah. Kalau tiada dalam buku, cakap TIADA.

PROMPT UNTUK DISALIN • PERANCANG PDP (TAMPAL AYAT SASARAN DI [AYAT SASARAN])

Anda perancang PdP saya. Sasaran: [AYAT SASARAN]. Berdasarkan sumber yang dimuat naik, (1) cadangkan urutan aktiviti 60 minit dalam jadual (fasa, masa, aktiviti murid, peranan guru), (2) senaraikan bahan yang perlu dijana mengikut keutamaan, (3) nyatakan bahagian sumber yang perlu saya baca dahulu. Jika sesuatu tiada dalam sumber, nyatakan TIADA.

Aktiviti 1: Bina 'Notebook' Subjek dan Tanya Soalan Berujukan

Gemini Notebook • 10 minit • Slot 2 • Aktiviti pertama

Gemini Notebook (dahulunya NotebookLM) ialah pakar dokumen peribadi anda. Ia hanya menjawab berdasarkan sumber yang ANDA berikan, lengkap dengan rujukan. Semua peserta guna SUMBER YANG SAMA supaya prompt contoh sepadan: Buku Teks Sains Tahun 4, Unit 2 Manusia (sistem pernafasan, perkumuhan dan gerak balas). Selepas bengkel, ulangi dengan DSKP atau buku teks subjek anda sendiri.

Objektif

- Log masuk Gemini Notebook dengan akaun MOE (moe-dl.edu.my) dan tetapkan bahasa output Melayu
- Memuat naik sumber PDF yang disediakan
- Bertanya soalan dan menyemak petikan rujukan, kemudian menyimpan satu nota

Anda perlukan

- Laptop atau telefon dengan pelayar Chrome
- Akaun Google DELIMa anda (nama@moe-dl.edu.my)
- Buku Teks Sains T4 Unit 2 (PDF); muat turun melalui butang di bawah

Pautan

- Muat turun Buku Teks Sains T4 • Unit 2 Manusia (PDF, 4MB): https://skdsza.tsapps.my/bahan/Buku_Teks_Sains_T4_Unit2_Manusia.pdf
- Muat turun Buku Teks Sains T4 penuh (PDF, 86MB): https://skdsza.tsapps.my/bahan/SAINS_T4_SK.pdf
- Buka Gemini Notebook: <https://notebook.google.com>
- Buka DELIMa 3.0 (log masuk akaun MOE): <https://d3.delima.edu.my/landing>

Langkah demi langkah

- 1. Muat turun sumber yang disediakan.** Klik butang 'Muat turun Buku Teks Sains T4 • Unit 2 Manusia' di bawah dan simpan PDF itu dalam peranti anda (folder Downloads). Unit ini merangkumi organ pernafasan, proses pernafasan, perkumuhan dan penyahtinjaan serta gerak balas terhadap rangsangan.
- 2. Buka Gemini Notebook.** Layari notebook.google.com dalam Chrome. Log masuk dengan akaun DELIMa anda (nama@moe-dl.edu.my). Di penjuru atas kanan anda akan nampak lencana 'PLUS' (pelan sekolah) dan avatar akaun. Jika keluar mesej 'NotebookLM is now Gemini Notebook', klik teruskan; ini nama baharu bagi produk yang sama.
- 3. Tetapkan bahasa output ke Melayu (sekali sahaja).** Klik butang 'Settings' (ikon gear) di atas kanan, pilih 'Output language'. Dalam dialog 'Configure settings', pada dropdown 'Choose your language override' pilih 'Melayu' dan klik 'Save'. Selepas ini jawapan chat dan bahan Studio keluar dalam Bahasa Melayu secara lalai.
- 4. Cipta notebook baharu.** Di halaman utama klik kad '+ Create new notebook' (atau butang hitam '+ Create new' di atas kanan). Pada komputer anda akan nampak tiga panel: 'Sources' di kiri, 'Chat' di tengah dan 'Studio' di kanan. Pada telefon, tiga panel itu menjadi tiga tab di bahagian atas: Sources, Chat, Studio.
- 5. Muat naik PDF buku teks.** Klik '+ Add sources'. Dialog 'Create Audio and Video Overviews from your documents' terbuka dengan kotak carian web di atas dan zon 'or drop your files' di bawah. Klik 'Upload files' dan pilih 'Buku_Teks_Sains_T4_Unit2_Manusia.pdf'. Butang lain: 'Websites' (laman web

dan YouTube), 'Drive', 'Play Books' dan 'Copied text'. Tunggu beberapa saat sehingga nama fail muncul dalam senarai Sources dengan kotak semak bertanda.

- 6. Tanya soalan pertama anda (salin prompt di bawah).** Dalam kotak 'Ask a question or create something' di panel Chat, tampal prompt ini dan tekan Enter. Perhatikan nombor rujukan kecil dalam jawapan; klik nombor itu untuk melihat petikan muka surat buku teks yang sebenar. Inilah beza terbesar dengan chatbot biasa: jawapan boleh dijejaki ke sumber.

PROMPT UNTUK DISALIN • LANGKAH 6

Berdasarkan buku teks yang dimuat naik, terangkan laluan udara semasa manusia menarik nafas bermula dari hidung hingga ke peparu, dalam bentuk jadual dua lajur: bahagian yang dilalui dan fungsinya. Bahasa Melayu mudah untuk murid Tahun 4.

- 7. Uji sempadan sumber.** Tampal prompt kedua ini. Perhatikan Notebook menjawab hanya berdasarkan Unit 2; jika perkara itu tiada dalam sumber, ia memberitahu maklumat tiada. Inilah tabiat 'Cuba' kita: sentiasa tanya apa yang TIDAK ada dalam bahan.

PROMPT UNTUK DISALIN • LANGKAH 7

Senaraikan 3 perkara tentang pernafasan manusia yang biasa ditanya murid Tahun 4 tetapi TIDAK diterangkan dalam sumber ini. Nyatakan dengan jelas jika maklumat tiada.

- 8. Simpan jawapan penting.** Di bawah jawapan, klik 'Save to note' (ikon pin). Nota tersimpan dalam panel Studio bahagian bawah, boleh dibuka semula bila-bila masa. Petua: ikon 'tune' (garisan gelongsor) di atas panel Chat membuka 'Configure Chat' untuk menetapkan gaya jawapan (Default, Learning Guide, Custom) dan panjang jawapan (Default, Longer, Shorter).

Hasil dijangka: Satu notebook dengan sumber Buku Teks Sains T4 Unit 2, dua jawapan berujukan dan satu nota tersimpan.

Jika ada masalah

- **PDF gagal dimuat naik:** Pastikan fail sudah lengkap dimuat turun (4MB). Jika talian perlahan, guna versi Unit 2 sahaja (bukan buku penuh 86MB) dan cuba semula.
- **Jawapan lambat keluar:** Tunggu sebentar; ada butang berhenti (petak) jika mahu batalkan dan tanya semula dengan soalan lebih pendek.
- **Tidak boleh log masuk akaun MOE:** Log masuk melalui DELIMa 3.0 di d3.delima.edu.my/landing dahulu, kemudian buka notebook.google.com dalam pelayar yang sama. Jika masih gagal, guna akaun Google peribadi dahulu; ciri asas sama.
- **Butang 'Generate' kelabu atau amaran had:** Akaun sekolah ada had harian mengikut pelan. Jana bahan ringan dahulu (Quiz, Flashcards, Mind Map), dan simpan Audio atau Video untuk satu topik yang paling penting.

Aktiviti 2: Studio: Jana Dua Bahan, Kemudian Uji Bahan Itu

Gemini Notebook • 10 minit • Slot 2 • Aktiviti kedua

Panel Studio menukar sumber anda kepada 9 jenis bahan siap guna: Audio Overview, Video Overview, Slide Deck, Mind Map, Reports, Flashcards, Quiz, Infographic dan Data Table. Dalam 10 minit ini pilih DUA sahaja: satu bahan untuk murid (Slide Deck, Infographic, Flashcards atau Audio) dan Quiz untuk menguji bahan itu. Rujukan penuh setiap tetapan ada di halaman 'Studio 9 Alat'.

Objektif

- Membuka dialog tetapan (customize) melalui anak panah '>' pada kad Studio
- Menjana dua bahan dalam Bahasa Melayu daripada sumber Sains T4 Unit 2
- Menggunakan Quiz untuk mencuba bahan sendiri sebelum murid

Anda perlukan

- Notebook daripada Aktiviti 1 (sudah ada sumber Buku Teks Sains T4 Unit 2)
- Fon telinga jika mahu dengar Audio Overview

Pautan

- Buka Gemini Notebook: <https://notebook.google.com>

Langkah demi langkah

- 1. Kenali kad Studio dan butang customize.** Di panel Studio (tab 'Studio' pada skrin kecil) ada 9 kad alat. Klik NAMA kad untuk menjana terus dengan tetapan laai, atau klik anak panah '>' di hujung kad untuk membuka dialog tetapan dahulu; itulah cara yang kita guna. Setiap dialog ada butang 'Generate' di bawah kanan dan 'X' di atas kanan untuk menutup. Dropdown 'Sources' membolehkan anda memilih sumber tertentu sahaja.
- 2. Mulakan dahulu bahan yang lambat: Audio Overview (pilihan).** Jika mahu podcast, klik '>' pada 'Audio Overview'. Pilih Format 'Brief' (pendek) atau 'Deep Dive', pastikan 'Choose language' Melayu, pilih Length 'Short', tampal fokus di bawah dan klik 'Generate'. Penjanaan ambil beberapa minit; teruskan langkah lain sementara menunggu.

PROMPT UNTUK DISALIN • LANGKAH 2

Bincangkan mengapa manusia perlu bernafas dan bagaimana udara bergerak dari hidung hingga ke peparu, dengan analogi kehidupan harian yang mudah difahami murid Tahun 4. Akhiri dengan 3 soalan renungan ringkas untuk murid.

- 3. Bahan untuk murid: Slide Deck bertema (disyorkan).** Klik '>' pada 'Slide Deck'. Pilih Format 'Presenter Slides' (ringkas visual untuk anda bentang) atau 'Detailed Deck' (teks lengkap untuk bacaan sendiri), 'Choose language' Melayu, Length 'Short', kemudian tampal prompt bertema dalam kotak 'Describe the slide deck you want to create'. Klik 'Generate'.

PROMPT UNTUK DISALIN • LANGKAH 3

Slaid tentang sistem pernafasan manusia untuk murid Tahun 4 dengan tema superhero. Setiap organ pernafasan diperkenalkan sebagai wira dengan 'kuasa' tersendiri (contohnya Peparu si penukar udara), bahasa Melayu mudah dan ceria, ada soalan pantas 'Misi Kilat' pada setiap 2 slaid, akhiri dengan 'Misi Utama' iaitu cabaran mengira kadar pernafasan sendiri.

- 4. Pilihan lain: Infographic, Flashcards atau Mind Map.** Infographic: klik '>', pilih bahasa Melayu, orientasi, gaya visual (cuba 'Kawaii' atau 'Sketch Note' untuk sekolah rendah), 'Level of detail'

Standard dan tampal penerangan. Flashcards: pilih bilangan kad dan aras, tampal topik. Mind Map: tampal topik sahaja. Semua siap dalam saat hingga dua minit.

PROMPT UNTUK DISALIN • LANGKAH 4

Infografik satu halaman tentang laluan udara semasa pernafasan manusia untuk murid Tahun 4, tema blok binaan berwarna-warni: setiap peringkat laluan (hidung, trakea, peparu) ialah satu blok yang bercantum dari bawah ke atas, bahasa Melayu mudah, maksimum 6 blok, setiap blok ada ikon dan satu ayat ringkas.

- 5. Uji bahan anda: jana Quiz.** Klik '>' pada 'Quiz'. Tetapkan 'Number of Questions' Fewer, 'Level of Difficulty' Easy, dan dalam kotak 'What should the topic be?' tampal fokus di bawah (ada juga cip cadangan seperti 'Misconception Checks'). Klik 'Generate', kemudian JAWAB kuiz itu sendiri seolah-olah anda murid. Soalan yang mengelirukan atau tidak disokong sumber ialah isyarat bahan anda perlu dibaiki.

PROMPT UNTUK DISALIN • LANGKAH 5

Fokus kepada organ pernafasan dan proses menarik serta menghembus nafas sahaja, sepadan dengan slaid superhero yang dijana. Soalan mesti berdasarkan fakta dalam buku teks, dengan bahasa Melayu mudah untuk murid Tahun 4.

- 6. Baiki dan simpan.** Jika ada slaid atau soalan yang lemah, buka semula dialog alat itu dan tambah arahan khusus (contohnya 'tambah satu slaid tentang diafragma' atau 'elakkan istilah alveolus'), kemudian jana semula. Semua bahan siap tersimpan dalam senarai di bawah kad Studio; klik untuk pratonton, muat turun atau kongsi.

Hasil dijangka: Dua bahan Studio dalam Bahasa Melayu (satu untuk murid, satu Quiz untuk menguji) dan satu pembaikan berdasarkan ujian sendiri.

Jika ada masalah

- **Output keluar dalam Bahasa Inggeris:** Semak 'Choose language' dalam dialog alat itu dan pilih 'Melayu'. Mind Map, Quiz dan Flashcards tiada pilihan bahasa dalam dialog; ia ikut tetapan Output language (Aktiviti 1 langkah 3) dan bahasa prompt anda.
- **Video Overview: tiada pilihan gaya visual:** Format 'Short' (lalai baharu) tiada pilihan gaya. Pilih Format 'Explainer' untuk melihat 'Choose visual style' seperti Whiteboard atau Classic.
- **Penjanaan mengambil masa lama:** Audio dan Video memang lambat; sebab itu kita mulakannya awal atau tinggalkan untuk selepas bengkel. Quiz, Flashcards, Mind Map dan Data Table siap dalam saat.
- **Kandungan terlalu umum:** Studio hanya sebaik sumber dan fokus anda. Hadkan skop dalam kotak fokus, pilih sumber tertentu melalui 'Sources', atau tambah sumber lebih berkualiti dan jana semula.

Aktiviti 3: Canva AI: Slaid PdP dalam Bahasa Melayu daripada Rangka yang Disemak

Canva AI • 12 minit • Slot 3 • Aktiviti ketiga

Canva AI ialah hub perbualan Canva di [canva.com/ai](https://www.canva.com/ai). Taip sahaja apa yang mahu dihasilkan dalam Bahasa Melayu; Canva mencadangkan rangka ('outline') yang boleh diedit sebelum design penuh dijana. Langkah 'semak rangka' inilah peluang 'Cuba' anda. Akaun Canva for Education (melalui DELIMa) membuka semua ciri premium secara percuma.

Objektif

- Menggunakan hub Canva AI dengan prompt Bahasa Melayu yang lengkap
- Menyemak dan mengedit rangka sebelum menjana design
- Membuka hasil dalam editor Canva dan berkongsi pautan ke Ruang Pameran

Anda perlukan

- Akaun Canva log masuk melalui akaun MOE / DELIMa
- Topik PdP minggu hadapan anda (atau guna topik Kitaran Air)

Pautan

- Buka Canva AI: <https://www.canva.com/ai>
- Buka DELIMa 3.0 (log masuk akaun MOE): <https://d3.delima.edu.my/landing>

Langkah demi langkah

- 1. Buka Canva AI.** Layari [canva.com](https://www.canva.com) dan log masuk. Klik 'Canva AI' pada bar sisi kiri. Anda akan nampak skrin 'What will we design today?' dengan kotak 'Describe your idea, and I'll bring it to life' dan cip pantas di bawahnya: 'Create student activities', 'Design', 'Image', 'Doc', 'Code' dan 'Video clip' (klik anak panah untuk cip yang tersembunyi). Penjana video memerlukan kredit tambahan; abaikan hari ini.
- 2. Taip prompt slaid anda dalam BM.** Klik kotak prompt dan taip permintaan LENGKAP: nyatakan bilangan slaid, bahasa, subjek, tahun, tajuk dan gaya. Jika anda sudah ada Slide Deck daripada Notebook (Aktiviti 2), salin tajuk slaidnya ke dalam prompt supaya Canva ikut rangka yang sudah anda uji. Tekan Enter atau butang hantar.

PROMPT UNTUK DISALIN • LANGKAH 2

Hasilkan slaid pembentangan 8 muka dalam Bahasa Melayu untuk PdP Sains Tahun 4 bertajuk Sistem Pernafasan Manusia, gaya ceria dan mesra murid sekolah rendah, ada slaid objektif pembelajaran di awal dan soalan kuiz 3 pilihan pada slaid akhir

- 3. Semak rangka yang dicadangkan (langkah Cuba).** Canva memaparkan rangka slaid yang boleh diedit: klik ikon pensel untuk ubah isi, ikon tong untuk padam, atau '+ Add page' untuk tambah slaid. Bandingkan dengan sumber anda: fakta betul? Urutan PdP masuk akal? Betulkan di sini, lebih murah daripada membetulkan selepas design siap.
- 4. Jana design penuh.** Klik 'Generate design'. Tunggu seminit; pratonton slaid muncul dalam perbualan. Klik pratonton itu untuk membukanya dalam editor penuh Canva.
- 5. Perhalusi melalui perbualan atau editor (langkah Baik).** Taip arahan susulan dalam kotak perbualan, contohnya 'tukar gaya kepada tema angkasa lepas' atau 'tambah satu slaid aktiviti berkumpulan'.

Dalam editor, edit teks secara manual seperti biasa. Untuk foto, klik foto itu kemudian 'Edit' untuk Magic Eraser, Magic Edit dan Magic Layers.

6. **Kongsi hasil anda.** Klik 'Share' di penjuru atas kanan editor, pilih 'Copy link' dan tampal pautan itu ke Ruang Pameran LMS ini supaya rakan sebengkel boleh lihat.

Hasil dijangka: Satu dek slaid PdP dalam Bahasa Melayu yang dijana daripada rangka yang anda semak, dibuka dalam editor Canva dan pautannya dikongsi ke Ruang Pameran.

Jika ada masalah

- **Hasil keluar dalam Bahasa Inggeris:** Pastikan perkataan 'dalam Bahasa Melayu' ada dalam prompt. Jika masih berlaku, taip arahan susulan: 'terjemahkan semua teks kepada Bahasa Melayu'.
- **Rangka tidak muncul, terus jadi design:** Untuk permintaan ringkas Canva kadangkala terus menjana. Tidak mengapa; klik design dan edit dalam editor, atau taip arahan susulan untuk mengubahnya.
- **Ciri premium berkunci:** Pastikan anda log masuk dengan akaun MOE. Sidebar sepatutnya ada 'Classroom'. Jika tidak, log masuk semula di DELIMa 3.0 dan klik aplikasi Canva dari situ.

Aktiviti 4: Canva Lanjutan: Aktiviti Murid Siap Agih dan Canva Code

Canva AI • 10 minit • Slot 3 • Aktiviti keempat

Dua kuasa Canva for Education yang paling cepat memberi pulangan: penjana aktiviti murid ('Create student activities') dan Canva Code untuk bahan interaktif tanpa coding. Pilih SATU yang paling relevan dengan kelas anda; yang satu lagi jadi kerja rumah.

Objektif

- Menjana aktiviti murid siap edar dalam Bahasa Melayu dengan butang Assign
- Membina satu bahan interaktif (kuiz atau roda nama) dengan Canva Code
- Menerbitkan dan berkongsi pautan hasil

Anda perlukan

- Akaun Canva for Education (seperti Aktiviti 3)
- Topik yang sama dengan Aktiviti 3 supaya pakej anda konsisten

Pautan

- Buka Canva AI: <https://www.canva.com/ai>
- Buka Canva: <https://www.canva.com>

Langkah demi langkah

- 1. A. Create student activities.** Di [canva.com/ai](https://www.canva.com/ai), klik cip 'Create student activities'. Kotak prompt bertukar kepada 'Briefly describe the topic your student will work on' dan tiga dropdown muncul: 'Grade' (Tahun 4 = 4th Grade), 'Subject' dan 'Learning purpose' (pilihan). Taip topik mengikut format di bawah dan hantar. Semak objektif pembelajaran yang dipaparkan, pilih SATU jenis aktiviti (contohnya papan cerita, sebab dan akibat, atau lembaran ulang kaji) dan klik 'Generate'.

PROMPT UNTUK DISALIN • LANGKAH 1

Sistem pernafasan manusia untuk Sains Tahun 4. PENTING: Hasilkan seluruh aktiviti dalam Bahasa Melayu sepenuhnya, semua tajuk, arahan dan label mesti dalam Bahasa Melayu, jangan guna Bahasa Inggeris.

- 2. A. Semak, edit dan agihkan kepada murid.** Klik 'Open' pada notifikasi aktiviti siap. Aktiviti terbuka sebagai whiteboard dengan arahan untuk murid. Jika ada baki teks Bahasa Inggeris, edit terus atau taip arahan susulan 'Terjemahkan semua teks dalam aktiviti ini kepada Bahasa Melayu sepenuhnya'. Guna 'View as student' untuk pratonton pandangan murid dan 'Assign' untuk mengagihkan ke Classroom.
- 3. B. Canva Code: kuiz interaktif tanpa coding.** Kembali ke [canva.com/ai](https://www.canva.com/ai), klik cip 'Code'. Taip permintaan dalam BM dan hantar. Canva menulis kod dan memaparkan pratonton berfungsi dalam satu hingga tiga minit. Cuba terus kuiz itu di panel pratonton; inilah langkah 'Cuba'.

PROMPT UNTUK DISALIN • LANGKAH 3

Bina kuiz interaktif mudah dalam Bahasa Melayu tentang sistem pernafasan manusia untuk murid Tahun 4, 5 soalan aneka pilihan dengan skor, maklum balas ceria selepas setiap jawapan dan skrin tahniah pada akhir

- 4. B. Baiki dan terbitkan.** Jika soalan salah atau butang terlalu kecil untuk telefon, taip arahan susulan ('besarkan butang jawapan', 'tukar soalan 3 kepada...'). Kemudian klik 'Publish' untuk mendapat pautan awam, atau 'Use in a design' untuk membenamkannya dalam slaid Canva. Tampil pautan ke Ruang Pameran.

Hasil dijangka: Sekurang-kurangnya satu daripada dua: aktiviti murid siap agih dalam BM, atau kuiz interaktif Canva Code yang diterbitkan.

Jika ada masalah

- **Aktiviti murid keluar dalam BI:** Gunakan format prompt penuh dalam langkah A. Jika masih ada baki BI, taip arahan susulan dalam perbualan Canva AI, atau edit terus pada whiteboard.
- **Canva Code lambat atau gagal:** Penjanaan kod ambil satu hingga tiga minit. Jika gagal, ringkaskan permintaan (contohnya 3 soalan sahaja) dan cuba semula.
- **Butang 'Assign' tiada:** Assign memerlukan kelas dalam Canva Classroom. Untuk hari ini, kongsi melalui 'Share' > 'Copy link' sahaja.

Aktiviti 5: Cabaran: Cuba untuk Topik Sendiri

Pelan Kelas Saya • selepas bengkel • 30 minit • Pelan Kelas Saya • Langkah 3

Ulang apa yang anda buat hari ini, kali ini untuk topik kelas anda SENDIRI. Mula dengan satu ayat sasaran, muat naik bahan anda, minta AI susun langkah, buat bahan, cuba dengan kuiz dan baiki. Lengkapkan dalam minggu ini dan hantar ke Ruang Pameran.

Objektif

- Menulis satu ayat sasaran untuk topik sendiri
- Menjalankan Buat, Cuba, Baiki dengan Notebook dan Canva
- Menghantar pakej mini ke Ruang Pameran

Anda perlukan

- DSKP atau buku teks subjek anda (PDF)
- 30 minit tenang

Pautan

- Buka Gemini Notebook: <https://notebook.google.com>
- Buka Canva AI: <https://www.canva.com/ai>

Langkah demi langkah

1. **Tulis ayat sasaran.** Guna pembina di halaman 'Tiga Soalan'. Cipta notebook baharu, muat naik DSKP atau buku teks anda, kemudian tampal prompt perancang di bawah dengan ayat sasaran anda.

PROMPT UNTUK DISALIN • LANGKAH 1

Anda perancang PdP saya. Sasaran: [TAMPAL AYAT SASARAN]. Berdasarkan sumber yang dimuat naik, (1) cadangkan urutan aktiviti 60 minit dalam jadual (fasa, masa, aktiviti murid, peranan guru), (2) senaraikan bahan yang perlu dijana dengan urutan keutamaan, dan (3) nyatakan bahagian sumber yang perlu saya baca dahulu. Jika sesuatu tiada dalam sumber, nyatakan TIADA.

2. **Buat: jana bahan mengikut senarai.** Ikut senarai bahan yang dicadangkan: Reports untuk nota, Slide Deck atau Canva untuk slaid, Flashcards untuk istilah, Canva 'Create student activities' untuk aktiviti murid. Satu bahan pada satu masa; jangan jana sembilan alat sekali gus.
3. **Cuba: jana Quiz dan minta AI menyemak.** Jana Quiz 'Fewer' dan jawab sendiri. Kemudian tampal prompt penyemak di bawah dalam Chat.

PROMPT UNTUK DISALIN • LANGKAH 3

Bertindak sebagai penyemak. Bandingkan bahan yang saya jana (slaid dan kuiz) dengan sumber. Senaraikan dalam jadual: fakta yang tidak disokong sumber, istilah yang terlalu sukar untuk [TAHUN], dan satu salah faham murid yang mungkin timbul daripada setiap bahan. Cadangkan pembetulan khusus.

4. **Baiki: laksanakan dua pembetulan.** Pilih dua cadangan paling penting, jana semula bahan berkaitan dengan arahan yang lebih khusus, dan simpan versi akhir.
5. **Serah dan pamerankan.** Hantar pautan pakej anda (slaid Canva, kuiz atau aktiviti) ke Ruang Pameran bersama ayat sasaran anda.

Hasil dijangka: Satu pakej PdP mini untuk topik sendiri: ayat sasaran, pelan, sekurang-kurangnya dua bahan, satu kuiz penguji dan dua pembaikan yang dilaksanakan.

Jika ada masalah

- **Ayat sasaran terlalu luas:** Jika bukti tidak boleh diukur dalam satu kuiz atau satu hasil kerja murid, kecilkan skop kepada satu standard pembelajaran.
- **AI mencadangkan aktiviti yang tidak realistik:** Tambah syarat selepas ayat sasaran: saiz kelas, masa, peralatan yang ada, aras murid.

Rujukan Pantas Studio: 9 Alat

Klik nama kad untuk menjana terus dengan tetapan lalai, atau anak panah '>' untuk membuka dialog tetapan. Senarai di bawah mengikut susunan dalam aplikasi (akaun DELIMa, 8 September 2026).

Audio Overview • masa jana: beberapa minit

Guna untuk: Rangsangan pendengaran, set induksi, ulang kaji dalam kereta.

- Format: Deep Dive (lalai) • Brief • Critique • Debate
- Choose language: Melayu
- Length: Short • Default
- Sources
- Kotak fokus: 'What should the AI hosts focus on in this episode?' + cip cadangan

Video Overview • masa jana: paling lama, beberapa minit

Guna untuk: Set induksi visual, penerangan konsep sukar.

- Format: Short (baharu, lalai, klip pendek menegak) • Explainer (penerangan menyeluruh)
- Choose language: Melayu
- Sources
- Explainer sahaja: 'Choose visual style' (Auto-select, Custom, Classic, Whiteboard dan lain-lain)
- Fokus: cip topik cadangan ATAU 'Custom topic'

Slide Deck • masa jana: 1 hingga 2 minit

Guna untuk: Slaid PdP pantas, boleh dieksport dan dihalusi dalam Canva.

- Format: Detailed Deck (lalai, teks lengkap) • Presenter Slides (ringkas visual)
- Choose language: Melayu
- Length: Short • Default
- Sources
- Kotak 'Describe the slide deck you want to create' (tema dan gaya di sini)

Mind Map • masa jana: saat

Guna untuk: Rumusan topik bersama murid, kembang dan kuncup cabang.

- Sources
- Kotak 'What should the topic be?' dengan tip 'Things to try'

Reports • masa jana: 1 minit

Guna untuk: Nota poket, panduan belajar, RPH draf, tiga versi nota aras berbeza.

- Format: Create Your Own • Briefing Doc • Study Guide • Blog Post (ikon pensel untuk edit arahan format)
- Bahagian 'Suggested Format': cadangan automatik ikut sumber anda
- Create Your Own: Choose language + kotak 'Describe the report you want to create'

Flashcards • masa jana: saat

Guna untuk: Latih tubi istilah; muka depan kad pendek 1 hingga 5 patah perkataan.

- Number of Cards: Fewer • Standard (lalai) • More
- Level of Difficulty: Easy • Medium (lalai) • Hard

- Sources
- Kotak 'What should the topic be?' + cip (Use Mnemonics, Sequence Events, Problem Solutions)

Quiz • masa jana: saat

Guna untuk: Menguji bahan anda sendiri sebelum murid; set induksi atau penutup.

- Number of Questions: Fewer • Standard (lalai) • More
- Level of Difficulty: Easy • Medium (lalai) • Hard
- Sources
- Kotak 'What should the topic be?' + cip (Scenario Application, Misconception Checks, System Functions)

Infographic • masa jana: 1 hingga 2 minit

Guna untuk: Poster kelas satu halaman, muat turun PNG.

- Choose language: Melayu
- Choose orientation: Landscape (lalai) • Portrait • Square
- Choose visual style: Auto-select, Kawaii, Clay, Sketch Note dan lain-lain (skrol anak panah)
- Level of detail: Concise • Standard (lalai) • Detailed (BETA)
- Sources
- Kotak 'Describe the infographic you want to create'

Data Table • masa jana: saat

Guna untuk: Jadual fakta tersusun, salin ke dokumen atau slaid.

- Choose language: Melayu
- Sources
- Kotak 'Describe the data table you want to create' (anda tentukan lajur)

Bonus: dua sambungan Chrome percuma untuk Gemini Notebook

Dua alat percuma oleh Chuah Kee Man (pendidik Malaysia) yang memudahkan kerja dalam Gemini Notebook. Pasang sekali dalam Chrome, guna terus dari dalam notebook. Pilihan, bukan wajib.

NotebookLM Prompt Generator

Pembina prompt infografik dan slaid (gaya, susun atur, warna, tema, nada) dalam bentuk popup di sebelah notebook anda. Menyokong Bahasa Melayu. Klik Copy, tampal dalam kotak fokus Studio.

Pautan: <https://nlmprompts.keeman.app/extension>

1. Buka pautan, klik 'Add to Chrome' di Chrome Web Store
2. Pin ikon sambungan pada bar alat Chrome
3. Buka notebook.google.com, klik ikon sambungan
4. Pilih gaya dan bahasa, klik Copy, tampal dalam dialog Infographic atau Slide Deck

NotebookLM Quiz Exporter

Eksport kuiz Studio dengan satu klik ke CSV, Aiken, DOCX, HTML, Google Forms (melalui Sheets), Moodle XML dan QTI. Sesuai untuk cetak lembaran kuiz atau masukkan ke Google Forms.

Pautan: <https://nlmexporter.keeman.app/>

1. Buka pautan, klik 'Download from Chrome Web Store'
2. Jana Quiz dalam Studio seperti Aktiviti 2
3. Klik ikon sambungan, pilih soalan dan format (DOCX untuk cetak, Google Forms untuk kuiz dalam talian)
4. Muat turun dan semak sebelum diedar

Bila Guna Yang Mana?

Gemini Notebook	Canva AI
Anda ADA bahan (DSKP, buku teks, nota, kertas soalan) dan mahu AI bekerja BERDASARKAN bahan itu	Anda mahu HASILKAN bahan visual baharu: slaid cantik, poster, lembaran kerja
Perlukan jawapan berujukan yang boleh disemak, kurang risiko rekaan	Perlukan bahan interaktif segera (Canva Code) atau aktiviti murid siap agih
Mahu tukar bahan kepada kuiz, podcast, slaid, infografik atau peta minda secara automatik	Mahu sunting imej dengan pantas: Magic Eraser, Magic Edit, Magic Layers

Aliran kerja terbaik: Aliran kerja paling berkesan: rancang dan sahkan fakta dengan Gemini Notebook dahulu (sumber, rangka, kuiz penguji), kemudian bawa rangka itu ke Canva AI untuk visual dan aktiviti murid.

Etika & Keselamatan Data

- 1. Jangan muat naik data peribadi murid.** Nama penuh, nombor kad pengenalan, markah individu dan foto murid tidak sepatutnya dimuat naik ke mana-mana alat AI. Gunakan data tanpa nama atau data contoh.
- 2. Semak sebelum guna.** AI boleh tersilap dengan yakin. Baca dan sahkan setiap fakta, terutama sebelum diedarkan kepada murid. Anda guru, AI pembantu.
- 3. Guna akaun MOE untuk kerja rasmi.** Akaun moe-dl.edu.my memberi perlindungan Workspace for Education dan akses Canva for Education percuma. Elakkan akaun peribadi untuk dokumen sekolah.
- 4. Nyatakan penggunaan AI jika wajar.** Untuk bahan rasmi yang diedarkan secara meluas, amalan baik ialah menyatakan bahan dibantu AI dan disemak oleh guru.
- 5. Hormati hak cipta.** Jangan muat naik buku teks berhak cipta ke platform awam untuk dikongsi semula. Kegunaan peribadi untuk PdP adalah wajar, penerbitan semula tidak.
- 6. Ikut Panduan Literasi AI KPM.** SPI KPM Bil. 2 Tahun 2026 dan Buku Panduan Literasi AI menjadi rujukan rasmi penggunaan AI di sekolah. Semak versi terkini di laman KPM.

Cabaran 30 hari: satu sasaran seminggu

- **Minggu 1:** Satu notebook subjek dengan DSKP dan buku teks; satu Quiz untuk topik minggu depan.
- **Minggu 2:** Satu pakej PdP mini (Idea 1) untuk topik sebenar; cuba dalam kelas, catat respons murid.
- **Minggu 3:** Satu aktiviti murid Canva atau kuiz Canva Code yang murid guna sendiri.
- **Minggu 4:** Kongsi satu idea dengan rakan panitia; bina pustaka prompt panitia dalam Google Docs.